

13 NOV 1997

Mahathir-Tanah

RAKYAT TIDAK PATUT JUAL TANAH UNTUK KEUNTUNGAN SEMENTARA

TAIPING, 13 Nov (Bernama) -- Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pemilik tanah di kawasan-kawasan yang sedang dimajukan supaya tidak menjual tanah mereka dengan cepat untuk tujuan mendapat keuntungan sementara.

Perdana Menteri berkata mereka sepatutnya menjual tanah untuk dijadikan modal bagi dilaburkan dalam pembangunan di kawasan mereka yang secara tidak langsung akan turut membantu membangunkan negara dengan lebih pesat lagi.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Bukit Merah Lake Town Water Park, yang merupakan projek fasa pertama pembangunan bersepadu bandar Tasik Bukit Merah yang dibangunkan oleh Segi Objektif Sdn Bhd, anggota kumpulan Emkay, kira-kira 15 km dari sini.

Mahathir berkata dengan cara itu pemilik-pemilik tanah tidak akan hilang harta mereka melalui penjualan hak milik mereka itu.

"Tanah itu adalah modal dan jika ianya dijual, wang yang didapati akan habis dibelanjakan dan kita hilang punca kekayaan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata harga tanah di kawasan-kawasan yang sudah dimajukan akan meningkat seperti yang berlaku di Pulau Langkawi.

Beliau berkata pada tahun 1950-an tanah di Langkawi hanya berharga RM200 serelung atau kira-kira 1/3 ekar tetapi sekarang telah meningkat kepada RM250,000 seekar (0.4 hektar).

Katanya, situasi yang sama akan dihadapi oleh penduduk di sekitar bandar Tasik Bukit Merah dengan siapnya projek bersepadu yang dimajukan oleh Segi Objektif Sdn Bhd yang dianggarkan menelan belanja RM3,000 juta dalam tempoh 20 tahun.

Dr Mahathir berkata ketika negara menghadapi serangan mata wang oleh orang asing "untuk menjadikan negara ini miskin," adalah penting untuk rakyat terus menjalankan projek pembangunan dalam pelbagai bidang bagi membuktikan kemampuan Malaysia untuk terus membangun.

Orang asing yang cuba memiskinkan Malaysia yakin yang mereka telah berjaya dan telah menghantar pasukan jurugambarnya untuk membuat liputan mengenai ekonomi negara pada masa ini yang dijangkanya merosot, katanya.

"Bagaimanapun mereka telah kecewa kerana mereka gagal untuk membunuh negara ini kerana kekuatan semangat rakyat ini yang kukuh yang tidak mengambil peluang untuk mengadakan demonstrasi atau mogok dalam menghadapi masalah kewangan ini," katanya.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, rakyat Malaysia telah bekerja lebih kuat untuk mengeluarkan lebih barangan bagi pasaran eksport.

Beliau berkata selagi rakyat sedar tanggungjawab bersatu padu dan berdisiplin, maka adalah sukar untuk sebarang bentuk penjajahan menular di negara ini.

Beliau berkata rakyat perlu sedar bahawa kini ada usaha yang cuba menjajah negara dengan menggunakan wang. Dengan menjatuhkan nilai ringgit mereka percaya akan memiskinkan negara, dan Malaysia akan meminta untuk berhutang daripada mereka, lalu mereka pun akan mengenakan syarat tertentu termasuk menguasai politik negara.

"Rakyat tidak sepatutnya membenarkan ini berlaku kerana dalam tempoh 400 tahun penjajahan tiada pembangunan yang nyata berbanding 40 tahun merdeka," katanya. -- BERNAMA

HK NMO